

28/02/2000

Ingatan PM rangsang pertahan tamadun

Rasid Rahaman; Hassan Ahmad; Daud Awang; Ridzuan Yop; Maznah Darus
KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak menyifatkan peringatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad wajar dijadikan rangsangan oleh orang Melayu untuk terus mempertahankan tamadun yang dibina sejak 42 tahun lalu.

Kebanyakannya berpendapat peringatan Perdana Menteri itu juga tepat pada masanya dan selaras dengan tuntutan agama Islam yang menuntut umatnya sentiasa meningkatkan usaha dalam pelbagai bidang.

Di GEORGETOWN, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata, sikap mudah berpuas hati di kalangan orang Melayu adalah fenomena paling bahaya yang boleh menghancurkan tamadun bangsa.

Katanya, jika orang Melayu berpuas hati bermakna mereka adalah satu masyarakat yang statik, sedangkan sebagai suatu bangsa yang berjaya mereka perlu sentiasa mampu mengikut peredaran dan keperluan zaman.

Dr Mahathir ketika berucap pada Kongres Profesional Muda Melayu semalam berkata, kejayaan orang Melayu menjadi bangsa bertamadun moden 42 tahun lalu akan hancur, sekiranya kembali kepada budaya mudah berpuas hati, merebut kuasa dan bermusuhan sesama sendiri.

Dr Hilmi berkata, budaya merebut kuasa pula jika tidak dibendung akan hanya menghancurkan perpaduan orang Melayu dan sudah tentu ketuanan orang Melayu akan turut terhakis.

Ketua Pemuda Umno Perlis, Zahidi Zainur Abidin berkata, peringatan Dr Mahathir itu juga menuntut generasi muda mengukuhkan iltizam untuk membangunkan bangsa dan negara.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beseri meminta golongan profesional muda Melayu membantu usaha kerajaan menyatupadukan orang Melayu.

"Golongan profesional perlu memberi pandangan mengenai penting kekuatan kuasa politik dan ekonomi terutama bagi menonjolkan bangsa Melayu supaya dihormati di peringkat antarabangsa," katanya.

Di KOTA BHARU, Ketua Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata, sikap suka berpuas hati dan enggan berusaha bertentangan dengan Islam.

Katanya, sebagai umat Islam, seseorang itu juga tidak boleh cepat berputus asa kerana mereka mesti berusaha untuk meningkatkan prestasi sama ada dalam soal keagamaan atau taraf hidup.

"Kita tidak boleh berserah semata-mata, tanpa berusaha meningkatkan keimanan kita, apatah lagi dalam meningkatkan taraf hidup," katanya sambil menambah jika keadaan itu tidak dibendung, tamadun moden yang dibina akan runtuh.

Di ALOR STAR, Naib Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah, Datuk Wan Shamsuddin Wan Mohd Yusuf berkata, generasi Melayu baru perlu berjuang dan bekerja lebih kuat untuk membuktikan masa depan bangsa seiring dengan bangsa lain.

Katanya, generasi muda Melayu juga perlu mengikis sikap mudah berpuas hati dengan menghindari budaya yang merosakkan budaya dan akidah.

Naib Ketua Umno cawangan Taman Fajar, Mohd Noor Salleh, pula berkata, masyarakat Melayu sekarang perlu didedahkan mengenai sejarah perjuangan agama, bangsa dan negara.

"Perjuangan pemimpin terdahulu, terutama menentang penjajahan untuk menuntut kemerdekaan dan komunis bukan perkara mudah.

"Bidang agama juga perlu dipertingkatkan di kalangan remaja dengan mendidik mereka menjadi manusia beriman," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru, Hamzah Atan berkata, ia adalah amaran awal kepada orang Melayu mengenai nasib yang akan menimpa mereka jika mereka bersikap demikian.

Sehubungan itu, katanya, orang Melayu jangan cepat berpuas hati sebaliknya perlu bekerja keras bagi memastikan generasi akan datang tidak ketinggalan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Bahagian Umno Tasek Gelugor, Jasmin Mohamad berpendapat teguran yang diberikan oleh Perdana Menteri wajar dijadikan rangsangan kepada generasi muda.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Sungai Dua, berkata peringatan itu juga amat tepat pada waktunya memandangkan orang Melayu baru saja melangkah ke alaf baru.

(END)